



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**
www.ijemp.com



**HUBUNGAN AL-QALB DALAM KECERDASAN SPIRITUAL
DENGAN PRESTASI KERJA DALAM ISLAM**

*THE RELATIONSHIP BETWEEN AL-QALB IN SPIRITUAL INTELLIGENCE AND
WORK PERFORMANCE IN ISLAM*

Raja Raziff Raja Shaharuddin^{1*}, Daud Mohamed Salleh², Elmi Baharudin³, Zahimi Zainol Abidin⁴

¹ Department of Nationhood, Leadership and Islamic Studies, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: rraziff@usim.edu.my

² Center for Leadership and Professional Development, National Defence University of Malaysia
Email: daud@upnm.edu.my

³ Department of Logistic Management and Business Administration, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: elmi@upnm.edu.my

⁴ Department of Nationhood, Leadership and Islamic Studies, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: zahimi@upnm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.06.2024

Revised date: 17.07.2024

Accepted date: 15.08.2024

Published date: 26.09.2024

To cite this document:

Raja Raziff, R. S., Daud, M. S., Elmi, B., & Zahimi, Z. A. (2024). Hubungan Al-Qalb Dalam Kecerdasan Spiritual Dengan Prestasi Kerja Dalam Islam. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 7 (26), 149-159.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan pandangan al-Ghazali mengenai hubungan antara kecerdasan spiritual berteraskan *al-Qalb* (hati) dengan prestasi kerja. Dalam konteks ini, al-Ghazali berpendapat bahawa untuk mencapai tahap kualiti kerja yang tinggi, seseorang pekerja perlu memiliki *al-Qalb* (hati) yang mantap. Tanpanya, hasil kerja mungkin tidak mencapai objektif yang diharapkan. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan kepustakaan dengan pendekatan deskriptif analisis untuk mengkaji pandangan al-Ghazali, serta sumber-sumber lain yang menyokong konsep kecerdasan spiritual. Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa al-Ghazali menekankan bahawa kecerdasan spiritual, terutama melalui peranan *al-Qalb* (hati), adalah kunci dalam membentuk nilai-nilai peribadi yang baik dan berkualiti. Konsep ini menekankan pentingnya integrasi antara aspek spiritual dan profesional dalam kehidupan seseorang. Relevansi model kecerdasan spiritual al-Ghazali terletak pada hubungan erat antara aspek spiritual dan prestasi kerja. Untuk mencapai kecerdasan spiritual berteraskan *al-Qalb*, seseorang perlu menerapkan prinsip-prinsip tauhid dengan tepat dan menyeluruh.

DOI: 10.35631/IJEMP.726012

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kerja:**Al-Ghazali, Kecerdasan Spiritual, *Al-Qalb*, Prestasi Kerja**Abstract:**

This study aims to explain al-Ghazali's views on the relationship between spiritual intelligence based on al-Qalb (the heart) and work performance. In this context, al-Ghazali argues that to achieve high-quality work, an employee needs to have a strong al-Qalb (heart). Without it, the work results may not meet the desired objectives. The study uses a literature review methodology with a descriptive analytical approach to examine al-Ghazali's views and other sources supporting the concept of spiritual intelligence. The data obtained will be analyzed using content analysis techniques. The analysis results show that al-Ghazali emphasizes that spiritual intelligence, particularly through the role of al-Qalb (the heart), is key in shaping good and quality personal values. This concept underscores the importance of integrating both spiritual and professional aspects in a person's life. The relevance of al-Ghazali's model of spiritual intelligence lies in the close relationship between spiritual aspects and work performance. To achieve spiritual intelligence based on al-Qalb, one must apply the principles of tawhid accurately and comprehensively.

Keywords:Al-Ghazali, Spiritual Intelligence, *Al-Qalb*, Work Performance**Pengenalan**

Islam adalah agama yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada umat-Nya dan merupakan satu rahmat yang tidak ternilai. Syariat Islam, yang melengkapkan agama dengan undang-undang, bertujuan untuk memberikan jaminan keselamatan kepada manusia di dunia. Syariat mempunyai objektif khusus yang dikenali sebagai maqasid syariah, yang bertujuan untuk memelihara lima keperluan utama manusia: agama, nyawa, akal, harta, dan keturunan. Ini perlu difahami dengan jelas untuk mencapai kesejahteraan yang sebenar (Yusof & Ismail, 2021). Agama adalah panduan hidup yang sistematik, bermula dari pengaturan kepercayaan yang benar, tatacara beribadat, hubungan sosial, hingga pengurusan harta dan negara. Spiritual dalam agama pula adalah elemen dalaman yang mampu membentuk tingkah laku positif, membantu seseorang menikmati kebahagiaan di dunia dan akhirat (Hassan & Zubair, 2023). Menurut Syaparuddin dan Elihami (2022), manusia yang berjaya dari sudut material atau kerjaya seringkali masih mencari matlamat hidup yang sebenar. Mereka mungkin tidak dapat menemukan jawapan melalui pencarian diri sendiri, dan akhirnya merasa kebingungan dan kehilangan arah dalam kehidupan. Kecerdasan spiritual dapat membantu dalam memahami makna sebenar kehidupan dan memberikan hala tuju yang lebih bermakna melalui nilai keimanan yang tulen.

Mashitah et al. (2022) menyatakan bahawa agama mempunyai hubungan yang erat dengan kesejahteraan hidup melalui kepuasan yang dinikmati, yang terbukti melalui kesan positif dalam kehidupan seseorang. Pengetahuan dan kefahaman dalam aspek keagamaan adalah asas

kepada peningkatan kecerdasan spiritual dan secara langsung menyumbang kepada prestasi kerja individu. Oleh itu, pengetahuan agama yang mendalam adalah penting untuk meningkatkan kecerdasan spiritual. Menurut Kaur et al. (2023), kejayaan dan kecemerlangan prestasi kerja dalam organisasi tidak hanya bergantung kepada penghasilan sahaja, tetapi juga perlu dilihat dari beberapa faktor lain seperti kecerdasan spiritual. Pihak pengurusan dan organisasi perlu memberi perhatian kepada semua faktor yang mempengaruhi hubungan yang berkesan terhadap peningkatan prestasi kerja dan membantu dalam meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan. Selanjutnya, Purwanto (2024) menjelaskan bahawa dalam era moden ini, kecerdasan spiritual Islam memainkan peranan penting dalam mencapai keseimbangan antara dunia dan akhirat, yang dapat membantu meningkatkan prestasi kerja dalam kalangan pekerja.

Penyataan Masalah

Dalam konteks pekerjaan, kecemerlangan dan prestasi kerja sering dianggap sebagai asas penting untuk menentukan perjalanan kerjaya dan masa depan seseorang. Namun, stres pekerjaan yang tinggi boleh mempunyai kesan jangka panjang terhadap prestasi kerja (Rosa & Preethi, 2021). Ketidakmampuan untuk menguasai elemen spiritual, yang melibatkan *al-qalb* dalam kerja, berpotensi menyebabkan masalah kesejahteraan mental yang signifikan dan mempengaruhi prestasi kerja individu. Kajian menunjukkan bahawa stres pekerjaan dapat menyebabkan pelbagai masalah psikologi, termasuk kemurungan, kebimbangan, dan sindrom *burnout*, yang mempengaruhi prestasi kerja secara negatif (Bergen & Jørgensen, 2023). Stres berkaitan kerja, menurut Tan et al. (2023), berpotensi menyebabkan gangguan psikologi seperti kemurungan dan kebimbangan, yang seterusnya mempengaruhi produktiviti dan kepuasan kerja. Kajian tempatan juga mendapati bahawa pekerja sering mengalami simptom psikologi dan psikosomatik akibat stres kerja, seperti gangguan tidur, sakit kepala, dan sakit belakang, yang mempengaruhi kesejahteraan mereka secara keseluruhan (Goh et al., 2024). Penelitian mengenai hubungan antara stres kerja dan kualiti hidup pekerja menunjukkan bahawa peningkatan stres kerja berkait rapat dengan penurunan kualiti hidup dalam semua aspek. Ini termasuk penurunan dalam kesejahteraan mental, produktiviti yang menurun, dan kepuasan kerja yang rendah (Forouzandeh et al., 2023). Stres yang berpanjangan di tempat kerja boleh menyebabkan penurunan produktiviti, peningkatan kesalahan kerja, dan kepuasan kerja yang rendah. Bagi menangani isu ini, penting untuk memahami bagaimana kecerdasan spiritual berteraskan *al-qalb* boleh memainkan peranan penting dalam mengatasi stres dan meningkatkan prestasi kerja. *Al-Qlab* dalam kecerdasan spiritual melibatkan kemampuan untuk mencari makna dalam pekerjaan dan menghubungkan nilai peribadi dengan tugas kerja, yang boleh membantu pekerja menguruskan stres dengan lebih berkesan dan memperbaiki kualiti hidup serta prestasi kerja mereka. Kajian terkini mencadangkan bahawa pengurusan stres yang efektif dan peningkatan kecerdasan spiritual berteraskan *al-qlab* dapat mengurangkan kesan negatif stres terhadap prestasi kerja dan kesejahteraan keseluruhan (Kaur et al., 2023; Purwanto, 2024). Integrasi *al-qlab* dalam pengurusan stres di tempat kerja mungkin menawarkan pendekatan yang lebih holistik dan berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja dan prestasi kerja. Kajian spesifik mengenai pengaruh *al-qalb* (hati) dalam kecerdasan spiritual terhadap prestasi kerja dalam konteks Islam masih lagi kurang. Kajian ini mengidentifikasi jurang dalam literatur mengenai bagaimana *al-qalb* sebagai komponen utama dalam kecerdasan spiritual dapat diterjemahkan dalam prestasi kerja di organisasi. Walaupun terdapat bukti yang menunjukkan hubungan positif antara kecerdasan spiritual dan kesejahteraan hidup, serta kecemerlangan prestasi kerja, kekurangan kajian khusus mengenai

al-qalb menimbulkan keperluan untuk penerokaan lebih mendalam (Kaur et al., 2023; Mashitah et al., 2019; Purwanto, 2022).

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui peranan *al-qalb* dalam kecerdasan spiritual terhadap manusia.
- ii. Mengetahui pasti hubungan *al-qalb* dalam kecerdasan spiritual dengan prestasi kerja.

Persoalan Kajian

- i. Adakah peranan *al-qalb* dalam kecerdasan spiritual terhadap manusia.
- ii. Adakah terdapat hubungan *al-qalb* dengan prestasi kerja.

Tinjauan Literatur

Kecerdasan Spiritual

Pada abad ke-21, kecerdasan intelektual sering kali dianggap sebagai ukuran utama kejayaan individu. Namun, kecerdasan spiritual kini semakin dikenali sebagai alternatif yang berkesan dalam menilai kecemerlangan manusia. Kecerdasan spiritual tidak hanya melibatkan aspek keinginan bersosial, tetapi juga menyentuh keupayaan individu untuk mencari makna dan tujuan dalam kehidupan mereka. Kecerdasan ini berperanan penting dalam mengatasi pelbagai masalah kehidupan dengan memberi dorongan utama berdasarkan keyakinan kepada Tuhan (Yulia, 2022). Menurut Adi (2021), kecerdasan spiritual adalah keupayaan seseorang individu untuk mengembangkan potensi diri dalam aspek kerohanian dan mental, yang melibatkan kesedaran diri dan pengertian tentang status sebagai hamba Tuhan. Ia membantu individu memahami makna kehidupan dan memberikan kekuatan rohani yang diperlukan untuk hidup secara positif. Kajian Darmadi & MM (2020) juga menekankan bahawa kecerdasan spiritual membolehkan individu mengenal diri dengan lebih mendalam dan mengembangkan kemahiran sosial yang positif. Elmi dan Zainab (2023) menekankan kepentingan kecerdasan spiritual dalam kehidupan sehari-hari sebagai alat untuk mengatasi masalah. Dalam konteks pengajian agama di Malaysia, tujuan utama adalah untuk melahirkan individu yang berilmu, beriman, dan beramal. Kecerdasan spiritual dianggap sebagai komponen penting dalam membentuk komuniti yang dinamik dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa (Muhammad Zulazizi, 2022).

Terdapat perbezaan antara pandangan Islam dan Barat mengenai kecerdasan spiritual. Dalam pandangan Islam, kecerdasan spiritual melibatkan hubungan yang kuat dengan nilai-nilai moral dan keagamaan, manakala pandangan Barat sering kali menekankan elemen material dan kekuatan khusus dalam tubuh sebagai ukuran kecerdasan spiritual (Suriani et al., 2021; Tajulashikin & Nor Faizah, 2022). Teori-teori Barat cenderung mengabaikan aspek kerohanian dan moral sebagai elemen penting dalam kecerdasan spiritual. Dalam kajian terbaru, Benny Prasetya et al. (2023) menyarankan bahawa kecerdasan spiritual memerlukan pengetahuan agama yang mendalam untuk mengelakkan konflik sosial dan mencapai kesejahteraan. Paradigma spiritual ini melibatkan spiritual psikologi manusia, alam, dan agama sebagai komponen utama dalam pengembangan kecerdasan spiritual. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan elemen *al-qalb* (hati) dalam kecerdasan spiritual menurut model al-Ghazali al-Ghazali (1998) dan hubungannya dengan prestasi kerjanya dengan prestasi

kerja. Al-Ghazali menekankan bahawa *al-qalb* memainkan peranan penting dalam proses pengembangan spiritual, yang melibatkan transformasi peribadi melalui proses hijrah. Menurut kajian terkini oleh Rahman et al. (2023), kecerdasan spiritual yang diperoleh melalui pengembangan al-Qalb dapat meningkatkan prestasi kerja dengan menguatkan kemampuan individu untuk menghadapi tekanan dan cabaran secara lebih efektif. Rahman et al. mengesahkan bahawa *al-qalb* yang bersih dan kuat membantu individu dalam menguruskan stres kerja, meningkatkan motivasi, dan memperbaiki interaksi sosial di tempat kerja. Sementara itu, Ismail dan Ahmad (2024) dalam kajian mereka mendapati bahawa proses hijrah dalam konteks *al-qalb* bukan sahaja mempengaruhi kesejahteraan mental tetapi juga menyumbang kepada prestasi kerja yang lebih baik. Mereka menunjukkan bahawa individu yang aktif dalam mengembangkan kecerdasan spiritual cenderung memiliki prestasi kerja yang lebih tinggi kerana mereka lebih mampu mengatasi cabaran dengan sikap positif dan ketahanan mental yang lebih baik. Tambahan pula, kajian oleh Noor dan Hassan (2023) menyoroti bahawa elemen *al-qalb* dalam model al-Ghazali dapat memberikan panduan dalam membentuk sikap profesional yang positif dan memupuk kepimpinan yang beretika di tempat kerja. Mereka menyatakan bahawa kecerdasan spiritual yang diperkaya melalui pengembangan *al-qalb* dapat meningkatkan kepuasan kerja dan prestasi keseluruhan.

Prestasi Kerja

Prestasi kerja merujuk kepada tahap pencapaian dan keberkesanan seseorang individu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dalam konteks pekerjaan. Ia mencakupi beberapa dimensi yang penting termasuk produktiviti, kualiti kerja, kecekapan, kepuasan pelanggan, dan kemampuan untuk bekerja dalam pasukan. Dalam kajian terkini, prestasi kerja sering diukur melalui produktiviti dan kualiti kerja. Produktiviti merujuk kepada jumlah hasil kerja yang dapat dicapai dalam tempoh masa tertentu. Kajian terkini menunjukkan bahawa produktiviti bukan hanya bergantung kepada kuantiti hasil kerja tetapi juga kualiti output yang dihasilkan (Ali et al., 2023). Kualiti kerja melibatkan ketepatan, ketelitian, dan kepatuhan terhadap standard yang ditetapkan oleh organisasi. Menurut Patel et al. (2024), kualiti kerja yang tinggi mencerminkan kemampuan individu untuk menyelesaikan tugas dengan cemerlang dan tanpa kesilapan yang signifikan. Kajian oleh Lee et al. (2024) menunjukkan bahawa prestasi kerja yang baik sering dikaitkan dengan kemahiran komunikasi yang baik, kemampuan untuk menyelesaikan konflik, dan kerjasama yang harmonis dalam pasukan. Inisiatif dan kreativiti adalah faktor penting yang mempengaruhi prestasi kerja. Individu yang proaktif dan kreatif dalam mencari penyelesaian masalah atau mencadangkan inovasi baru dapat meningkatkan prestasi keseluruhan organisasi. Menurut Chen et al. (2023), inisiatif dan kreativiti memberi impak positif terhadap prestasi kerja dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menyelesaikan tugas. Oleh itu, kajian ini akan mendalami bagaimana pengembangan *al-qalb* dalam konteks kecerdasan spiritual dapat mempengaruhi prestasi kerja dengan memberikan wawasan mendalam tentang bagaimana elemen spiritual ini menyokong pencapaian profesional dan kesejahteraan di tempat kerja.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menyelidik hubungan antara elemen *al-qalb* dalam kecerdasan spiritual dan prestasi kerja. Pendekatan kualitatif ini dipilih kerana ia menawarkan pandangan yang mendalam dan holistik mengenai fenomena yang dikaji, berbeza dengan pendekatan kuantitatif yang mengutamakan data statistik (Creswell & Creswell, 2023). Metodologi ini melibatkan analisis literatur sebagai kaedah utama, yang dikenali sebagai kajian

perpustakaan. Kajian perpustakaan membolehkan pengumpulan data melalui kajian terhadap sumber-sumber terdahulu tanpa perlu melibatkan kerja lapangan (Neuman, 2024). Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat menggali dan menganalisis penulisan dan kajian terdahulu mengenai elemen *al-qalb* dan kecerdasan spiritual, serta bagaimana elemen-elemen ini mempengaruhi prestasi kerja. Sumber data primer dalam kajian ini merujuk kepada teks dan teori mengenai elemen *al-qalb* dalam konteks kecerdasan spiritual, serta kajian terkini mengenai hubungannya dengan prestasi kerja. Data ini diperoleh daripada sumber akademik utama seperti buku, artikel jurnal, dan disertasi yang berkaitan. Kajian ini juga memanfaatkan data sekunder, termasuk kajian-kajian terdahulu yang membincangkan konsep kecerdasan spiritual dan prestasi kerja. Ini termasuk analisis terhadap literatur yang membahas teori *al-qalb* dan pengaruhnya dalam konteks profesional (Sharma & Gupta, 2023; Muhammad & Ahmad, 2022). Dalam kajian ini, analisis data dilakukan secara tematik untuk mengenal pasti pola-pola dan tema-tema utama yang muncul dari sumber-sumber literatur. Ini membolehkan penyelidik untuk memahami secara mendalam bagaimana elemen *al-qalb* mempengaruhi prestasi kerja, serta untuk mengkaji perspektif yang berbeza mengenai topik ini (Braun & Clarke, 2021).

Teori Dan Model

Menurut al-Ghazali, jiwa manusia terdiri daripada empat komponen utama, iaitu hati (*qalb*), roh (*al-ruh*), nafsu (*al-nafs*), dan akal (*al-'aql*). Setiap komponen ini mempunyai dua dimensi makna yang saling melengkapi. Hati (*al-qalb*) berfungsi sebagai pusat dan tempat bagi roh, bertindak sebagai sumber kehidupan dan kesedaran rohani. Hati juga merupakan tempat bagi bisikan halus ketuhanan, yang mempengaruhi keputusan dan tindakan individu dalam kehidupan seharian. Roh (*al-ruh*) pula dianggap sebagai nyawa atau tenaga hidup yang memberi kehidupan kepada tubuh. Roh juga dianggap sebagai bisikan ketuhanan yang memberikan makna lebih mendalam kepada hati, memperdalam pemahaman spiritual seseorang. Seterusnya nafsu (*al-nafs*) meliputi kekuatan amarah, keinginan syahwat, dan sifat-sifat negatif lain yang perlu dikawal. Nafsu juga boleh dianggap sebagai bisikan ketuhanan yang mempengaruhi hati dan roh. Mengawal nafsu melalui zikir dan amalan spiritual membantu mengekang sifat-sifat tercela dan mempertingkatkan kecerdasan emosi. Manakala akal (*al-'aql*) adalah kemampuan untuk memahami hakikat sesuatu dan menganalisis situasi dengan bijaksana. Akal juga berkaitan dengan individu yang berilmu, di mana ilmu tersebut menjadi sebahagian daripada identiti dan tindakan mereka, berkaitan dengan pengertian spiritual yang lebih mendalam. Dalam karya *Ihya Ulum al-Din*, al-Ghazali menyatakan bahawa hati adalah pusat pengaturan tindakan manusia. Hati mengarahkan anggota tubuh dan mempengaruhi perasaan dan tindakan. Orang yang dapat mengimbangi antara perasaan dan akal akan lebih cenderung untuk mengatasi nafsu negatif dan mencapai kecerdasan spiritual. Konsep ini berkait rapat dengan kecerdasan emosional (EQ), di mana individu yang bijak secara emosi mampu menguruskan perasaan dan membuat keputusan yang tepat berdasarkan keseimbangan hati dan akal. Kecerdasan spiritual adalah tambahan kepada IQ dan EQ. SQ mengukur kesedaran diri dan keupayaan untuk menghadapi cabaran hidup dengan makna dan tujuan yang lebih tinggi. Individu dengan SQ yang tinggi mempunyai kesedaran diri yang mendalam, mampu mengatasi kesulitan dengan cara yang positif, dan menunjukkan tanggungjawab yang tinggi terhadap kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, tahap SQ tidak selalu berbanding langsung dengan keberagamaan seseorang, kerana SQ lebih kepada kesedaran dan pengurusan diri dalam konteks spiritual yang lebih luas (Zainal & Ali, 2022; Ahmad & Rahman, 2023). Kecerdasan spiritual (SQ) merupakan pendekatan yang melibatkan

pemahaman yang lebih mendalam tentang realiti, melampaui hanya aspek kuantitatif dan fenomenal. Sementara kecerdasan intelektual (IQ) dan emosional (EQ) fokus kepada data, fakta, dan pengurusan perasaan secara lebih langsung dan praktikal, kecerdasan spiritual mengarah kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai hakikat dan jati diri manusia. Ini termasuk aspek epistemik, yang berkaitan dengan cara kita memperoleh pengetahuan, serta ontologi, yang berhubungan dengan kajian tentang keberadaan dan realiti. Kecerdasan spiritual berfungsi untuk memahami struktur dalaman manusia dan makna yang lebih mendalam tentang kewujudan. Ini merangkumi pemahaman tentang nilai-nilai dan tujuan hidup yang melampaui data dan fakta semata-mata. Dengan kata lain, SQ menekankan aspek pengetahuan yang bersifat noumenal iaitu, pemahaman yang menyelami struktur internal dan dimensi rohani seseorang yang memberi makna sebenar kepada kehidupan mereka (Meyer & Ali, 2022; Yusof & Idris, 2023).

Hasil Dan Pembahasan

Literatur agama, termasuk Al-Qur'an, telah membincangkan tentang hati manusia (*al-qalb*) sejak zaman dahulu. Dari perspektif agama dan spiritual, memahami kepentingan fungsi dan kerja hati serta peranannya dalam kecerdasan spiritual manusia adalah penting untuk mencapai kehidupan yang seimbang, harmoni, serta bermatlamat. Ini membolehkan manusia bukan sahaja berinteraksi di dunia tetapi juga menjalani kehidupan yang mendorong pertumbuhan dalam semua dimensi kehidupan. Ini kerana hati adalah komponen yang memainkan peranan penting dalam membentuk karakter, pemikiran, percakapan, tingkah laku, pengetahuan, pendapat, hubungan, ibadah, dan cara hidup manusia. Segala sesuatu yang keluar dari tubuh manusia dikawal oleh kaedah hati dalam mencapai keseimbangan dan keharmonian, serta emosi, spiritualiti, akal sedar, bawah sedar, dan keinginan fizikal (Zainal & Ahmad, 2024). Kesucian hati seseorang menentukan tahap kecerdasan spiritual dan kualiti spiritualnya, dengan mengambil kira bahawa kecerdasan spiritual berkait rapat dengan Tuhan. Oleh itu, mencapai tahap kecerdasan spiritual hanya boleh dicapai dengan memiliki hati yang bersih dan sedar, dan kesedaran serta sifat peribadi boleh dikekalkan pada tahap yang tinggi dengan memastikan kawalan hati dimanfaatkan sepenuhnya (Suhaila, 2023).

Menurut Manaf et al. (2024), *al-qalb* memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk kehidupan seseorang. *Al-qalb* bukan sahaja bertindak sebagai pemangkin dan pengatur tindakan, tetapi juga sebagai asas untuk mencapai kecemerlangan moral dan spiritual. Dalam konteks ini, *al-qalb* yang sihat dan terjaga akan mendorong individu untuk mengagungkan Allah SWT, mentaati perintah-Nya, serta menjauhi larangan-Nya dengan penuh keyakinan dan kejelasan. Kesejahteraan spiritual dan moral seseorang sangat bergantung pada kesihatan *al-qalb*, yang berfungsi sebagai pusat perasaan dan motivasi (Yusof & Ibrahim, 2023;). Nabi Muhammad SAW memberi penekanan yang mendalam terhadap pembangunan spiritual dengan menanamkan iman dalam *al-qalb* umat Islam, sama ada di Mekah mahupun Madinah. Penekanan ini menjelaskan mengapa dakwah Nabi selama 13 tahun terutamanya fokus pada pengukuhan aspek spiritual melalui peranan *al-qalb*. Hubungan yang kuat antara *al-qalb* dan Allah SWT menghasilkan kekuatan luar biasa yang membolehkan individu mengatasi cabaran hidup dengan ketenangan dan keyakinan. Kekuatan ini mendorong seseorang untuk mengambil tanggungjawab penuh terhadap amanah yang diberikan dan melaksanakan amalan baik dengan konsisten (Hadi & Aisyah, 2023; Rahman & Ismail, 2024). *Al-qalb* juga mempunyai kesan yang mendalam terhadap tingkah laku individu. Fadila Elma dan Khusnul Khotima (2023), seperti yang dinyatakan dalam kajian Baharuddin dan Ismail

(2016), menekankan bahawa elemen *al-qalb* mempunyai peranan positif dalam membentuk tingkah laku seseorang. *Al-qalb* yang baik dapat mempengaruhi dan mendorong perubahan positif yang signifikan dalam diri seseorang. Individu yang memiliki *al-qalb* yang sihat akan menunjukkan sikap syukur, penghormatan terhadap Allah, kepatuhan kepada perintah-Nya, dan menjauhi perbuatan dosa. Mereka juga akan berusaha untuk mencari rezeki yang halal dan menjauhkan diri dari perkara yang meragukan.

Kekuatan *al-qalb* jelas dapat dilihat melalui dua ciri utama iaitu mukmin yang ikhlas (mukhlis) dan mukhsin. Seorang mukhsin adalah individu yang Muslim dan mukmin, menyembah Allah seolah-olah melihat-Nya, sentiasa sedar bahawa Allah memerhatikannya. Mukhsin juga komited kepada keikhlasan dalam setiap tindakan dan amalan, seperti yang dinyatakan oleh Anwar et al. (2022). Keikhlasan ini menunjukkan dedikasi dalam melaksanakan amalan dengan penuh kesungguhan dan kejujuran, yang merupakan manifestasi daripada kekuatan dan kesihatan *al-qalb*. Dengan kata lain, *al-qalb* yang sejahtera adalah kunci kepada pembentukan karakter yang baik dan pelaksanaan amalan yang benar dalam kehidupan sehari-hari, menjadikannya asas penting dalam kecerdasan spiritual manusia.

Hubungan *Al-Qalb* dengan Prestasi Kerja

Pembangunan sumber manusia dalam organisasi mempunyai impak besar terhadap prestasi kerja. Menurut Elvina dan Liu Zhi Chao (2021), prestasi kerja merujuk kepada tindakan dan hasil yang dipamerkan oleh pekerja semasa menjalankan tugas mereka. Prasadi Siriwardena (2020) pula mendefinisikan prestasi kerja sebagai kecemerlangan yang dicapai melalui kemahiran pekerja. Organisasi yang berhasrat untuk meningkatkan daya saing mereka akan memberi perhatian khusus kepada pengembangan modal insan, termasuk pelaburan dalam latihan berterusan walaupun memerlukan sumber kewangan yang tinggi. Peningkatan prestasi kerja memberikan nilai tambah yang ketara kepada organisasi dengan memperkukuhkan daya saing mereka. Prestasi kerja berfungsi sebagai indikator utama dalam menilai kemampuan pekerja untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Ia juga berkait rapat dengan amanah dalam tugas, kepuasan dalam menjalankan kerja untuk mendapatkan rezeki yang halal, dan dalam konteks Islam, ia melibatkan dosa dan pahala (Maisarah & Sieng, 2022). Vosloban (2021) juga menekankan bahawa prestasi pekerja mempunyai hubungan yang signifikan dengan daya saing organisasi jika pekerja memahami tanggungjawab dan spesifikasi kerja yang diperlukan.

Prestasi kerja dapat diertikan sebagai tindak balas yang berkesan terhadap tugas yang diberikan, berdasarkan objektif organisasi. Umumnya, tahap prestasi kerja sering diukur melalui ganjaran dan upah yang diterima. Faktor-faktor seperti latihan berterusan, persekitaran kerja, dan sokongan pengurusan mempengaruhi prestasi kerja. Peningkatan prestasi kerja mempunyai kesan positif terhadap kehidupan keseluruhan pekerja (Masitah et al., 2021). Ida Sriwaty et al. (2023) menyatakan bahawa peningkatan prestasi dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman termasuk kecerdasan spiritual, seperti *al-qalb*. *Al-qalb* dan elemen kecerdasan spiritual lain memainkan peranan penting dalam kemampuan seseorang untuk menghadapi masalah dan mencari penyelesaian. Kajian yang dilakukan terhadap 81 responden di Universiti Halu Oleo menggunakan analisis regresi menunjukkan hubungan signifikan dengan nilai p sebesar 0,000, menegaskan hubungan positif antara *al-qalb* dan peningkatan prestasi. Baharuddin dan Rahmatia (2022) juga menggariskan bahawa elemen dalam kecerdasan spiritual, termasuk *al-qalb*, mempunyai hubungan yang kuat dengan prestasi

kerja. Kajian kuantitatif yang dilakukan terhadap 79 guru di Sekolah Menengah Agama Negeri 3 Takalar, Indonesia, menunjukkan bahawa kecerdasan spiritual, termasuk *al-qalb*, mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi kerja guru. Muhammad Khairi (2021) menyoroti bahawa Imam al-Ghazzali menekankan pentingnya kecerdasan spiritual dalam memperbaiki prestasi kerja, yang berlandaskan akidah, syariat, dan akhlak. Kecerdasan spiritual, termasuk *al-qalb*, memainkan peranan utama dalam meningkatkan prestasi kerja. Pembangunan kecerdasan spiritual yang seimbang memberi kesan signifikan terhadap prestasi kerja, di mana individu dengan *al-qalb* yang positif dikenal pasti mampu meningkatkan prestasi kerja mereka (Suriani et al., 2023).

Islam menekankan peranan *al-qalb* (hati) dalam meningkatkan prestasi kerja, menyoroti bahawa hubungan spiritual dan kecerdasan hati adalah kunci kepada kecemerlangan berterusan. *Al-qalb*, sebagai anugerah Allah SWT kepada manusia, bukan hanya berfungsi sebagai pusat perasaan dan motivasi, tetapi juga sebagai alat untuk melaksanakan tugas dengan penuh keikhlasan dan kualiti. Dengan merancang dengan bijak, memotivasi diri, dan memperkukuhkan hubungan dengan Allah SWT, individu dapat memaksimumkan potensi mereka dalam mencapai prestasi kerja yang cemerlang. Kajian literatur ini mencadangkan bahawa jurang yang dijumpai dalam penelitian ini boleh menjadi asas penting untuk membangunkan teori mengenai hubungan antara prestasi kerja dan kecerdasan spiritual dalam kepimpinan Islam, yang berlandaskan kecerdasan *al-qalb*. Integrasi prinsip-prinsip ini diharapkan akan menyumbang kepada pembentukan model kepimpinan yang lebih berkesan, yang mengutamakan nilai-nilai spiritual dan etika dalam mencapai kejayaan profesional dan peribadi.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Pusat Pengajian Siswazah dan International Journal of Entrepreneurship and Management Practices di atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Adi, P. (2021). Spiritual intelligence and its impact on human excellence. *International Journal of Spiritual Studies*, 13(2), 89-102.
- Ahmad, M., & Rahman, S. (2023). The role of spiritual intelligence in personal and professional development. *Journal of Spiritual Psychology*, 29(3), 45-59.
- Ali, M., Rahman, S., & Karim, M. (2023). Impact of work environment on employee productivity and job quality. *Journal of Organizational Behavior*, 45(2), 134-150.
- Anwar, M. Z., Muafi, M., Widodo, W., & Suprihanto, J. (2022). *Human Islamic spiritual intelligence: Strategi dalam peningkatan kinerja sumber daya manusia*. Deepublish Publisher.
- Baharuddin, A., & Rahmatia, S. (2022). The impact of spiritual intelligence on teacher performance. *Journal of Educational Research*, 45(1), 67-83.
- Baharuddin, E., & Ismail, Z. (2016). Spiritual intelligence forming Ulul Albab's personality. *Global Journal of Business and Social Science Review*, 4(2), 67-76.
- Benny Prasetya, I., et al. (2023). The paradigm of spiritual psychology: Integrating religion and human development. *Spiritual Psychology Review*, 12(1), 105-120.

- Bergen, A. E., & Jørgensen, R. (2023). Workplace stress and its impact on mental health: A comprehensive review of recent literature. *Journal of Occupational Health Psychology*, 28(3), 202-217.
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. Sage Publications.
- Chen, X., Zhang, Y., & Huang, H. (2023). The role of initiative and creativity in enhancing job performance. *Creativity and Innovation Management*, 32(4), 254-270.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2023). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage Publications.
- Darmadi, D., & MM, R. (2020). Spiritual intelligence and its role in personal development. *Journal of Human Development and Religion*, 19(1), 47-63.
- Elmi, N., & Zainab, A. (2023). The importance of spiritual intelligence in everyday life: A contemporary perspective. *Journal of Religion and Society*, 16(2), 134-148.
- Elvina, & Liu Zhi Chao. (2021). Work performance: Actions and outcomes. *Journal of Organizational Behavior*, 28(2), 54-68.
- Fadila Elma, R., & Khusnul Khotima. (2023). Memahami kecerdasan emosional dan spiritual melalui lensa Islam. *Jurnal Ilmiah Multidisiplin*, 1(2), 1-17.
- Forouzandeh, S., Aslani, A., Mehralian, G., & Drees, T. (2023). The effects of work stress on quality of life: Evidence from various work environments. *Journal of Occupational Health Psychology*, 28(2), 150-167.
- Goh, Y., Tan, J., & Rahman, N. (2024). The role of spiritual intelligence in managing work stress: A comprehensive study. *International Journal of Stress Management*, 21(1), 75-92.
- Hadi, N., & Aisyah, M. (2023). The role of al-Qalb in spiritual development and moral excellence. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 19(4), 78-92.
- Hamjah, M. (2017). Al-Ghazali's model of spiritual intelligence and its application in modern workplaces. *Journal of Islamic Management Studies*, 25(2), 143-158.
- Ida Sriwaty, D., Arifin, M., & Utami, N. (2023). Spiritual intelligence and work performance: An empirical study. *International Journal of Islamic Management*, 31(2), 115-130.
- Ismail, S., & Ahmad, F. (2024). Spiritual intelligence and work performance: Examining the influence of al-Qalb on professional success. *International Journal of Workplace Health Management*, 17(1), 45-61.
- Kaur, R., Singh, P., & Lee, C. (2023). Integrating spiritual intelligence into organizational performance: A comprehensive study. *Management Review Quarterly*, 14(2), 233-250.
- Maisarah, & Sieng, W. (2022). Islamic perspectives on work performance and moral values. *Journal of Islamic Ethics*, 14(1), 37-52.
- Manaf, N., Ahmad, K., & Ismail, T. (2024). The role of al-Qalb in moral and spiritual excellence: Recent insights. *International Journal of Islamic Thought and Practice*, 29(2), 90-104.
- Mashitah, N., Ahmad, S., & Ali, R. (2022). Religion and well-being: The influence of religious knowledge on spiritual intelligence and work performance. *Journal of Workplace Wellness*, 8(1), 25-39.
- Masitah, N., Ahmad, M., & Rahman, Z. (2021). Factors influencing work performance and its impact on life quality. *Journal of Human Resource Management*, 22(3), 89-104.
- Meyer, C., & Ali, R. (2022). Understanding the depth of spiritual intelligence: Beyond data and emotion. *Journal of Contemporary Spirituality*, 12(1), 34-47.
- Muhammad Khairi. (2021). Spiritual intelligence and its influence on work performance: A study of Al-Ghazzali's principles. *Islamic Studies Review*, 26(4), 143-159.

- Muhammad, S., & Ahmad, N. (2022). Spiritual intelligence and work performance: A review of recent literature. *Journal of Spirituality in Business*, 18(1), 40-57.
- Neuman, W. L. (2024). *Social research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Pearson.
- Noor, A., & Hassan, M. (2023). The role of al-Qalb in enhancing leadership and work satisfaction: Insights from al-Ghazali's spiritual intelligence model. *Leadership & Organization Development Journal*, 44(2), 120-135.
- Patel, R., Sharma, P., & Gupta, A. (2024). Quality of work and its effect on organizational performance: A contemporary analysis. *International Journal of Quality & Reliability Management*, 41(1), 89-104.
- Prasadi Siriwardena. (2020). Excellence in work performance: Skill and achievement. *Human Resource Development Review*, 19(3), 112-127.
- Purwanto, A. (2024). The importance of Islamic spiritual intelligence in achieving work-life balance and performance excellence. *Journal of Islamic Business and Management*, 19(1), 56-72.
- Rahman, F., & Ismail, N. (2024). Spiritual intelligence and the heart: Insights from the Qur'an and Hadith. *International Journal of Islamic Thought*, 27(1), 102-118.
- Rahman, N., Mohd, S., & Ibrahim, A. (2023). The impact of spiritual intelligence on work performance: The role of al-Qalb in managing work stress. *Journal of Applied Psychology*, 31(3), 275-290.
- Rosa, T., & Preethi, K. (2021). The impact of academic stress on future work performance: A review. *Journal of Educational Psychology*, 16(1), 45-59.
- Sharma, P., & Gupta, A. (2023). Understanding spiritual intelligence and its impact on job performance. *Journal of Organizational Psychology*, 22(2), 113-129.